

BAB 3

METODOLOGI


3.1 Pengenalan

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif mengenai corak penggunaan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Pengkaji akan menganalisis item leksikal yang mengandungi makna metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina yang dipilih. Sebanyak 30 buah puisi tradisional dari Dinasti Tang (618-907 tahun masehi) dan Dinasti Song (960-1297 tahun masehi) yang berunsur falsafah dalam buku yang disunting oleh Pang (1999) akan dikaji.

3.2 Pelan Kajian

Dalam pelaksanaan kajian, pembahagian proses diatur dalam jadual kegiatan seperti yang tergambar pada rajah berikut :

Rajah 3.1 : Pelan Kajian



3.2.1 Pengumpulan data kajian

Buku Pang (1999) yang bertajuk “哲理诗一百首” (Zhélǐshī Yī Bái Shǒu) dengan makna **seratus buah puisi berunsur falsafah** telah dijadikan data kajian ini. Buku ini mengandungi 100 buah puisi tradisional yang berunsur falsafah.

Puisi dipilih untuk data kajian ini kerana puisi banyak mengandungi metafora. Seterusnya, puisi tradisional bahasa Cina dijadikan pilihan kerana pengkaji tertarik kepada kecanggihan bahasa Cina pada zaman dahulu dalam menggunakan metafora. Menurut Ye (2006:2), tujuan mempelajari puisi tradisional bahasa Cina adalah untuk memahami dan menikmati makna puisi yang bernilai dan bermanfaat. Malahan, kesenian bahasa klasik yang mengandungi metafora ini sukar difahami oleh ramai orang pada zaman moden ini yang menuntut bahasa moden.

Puisi tradisional bahasa Cina boleh dibahagikan mengikut tema dan dinasti yang berlainan. Pengkaji memilih puisi tradisional yang bertemakan falsafah kerana puisi ini bukan sahaja mempunyai kesenian bahasa yang bertaraf tinggi, tetapi juga mempunyai nilai-nilai murni dan dapat membantu pembaca dalam amalan kehidupan pada zaman moden ini. Menurut Yi (2000), isi kandungan puisi tradisional falsafah padat dan mendalam. Penggunaan bahasanya lebih mudah untuk meransangkan pemikiran pembaca dan meningkatkan rohani seseorang. Ayat-ayat dalam puisi tradisional falsafah seperti “欲穷千里目，更上一层楼” (Kalau ingin memandang ke tempat jauh yang beribu-ribu batu, perlulah kita naik ke satu tingkat lagi), “不识庐山真面目，只缘身在此山中” (Tidak dapat mengenal keadaan sebenar Gunung Lu kerana kita sendiri berada di dalam gunung tersebut) dan sebagainya menjadi begitu popular dalam masyarakat Cina

sehingga dapat dihafalkan dan selalu dideklamasikan oleh murid-murid sekolah rendah pada zaman moden ini.

Kajian ini diharapkan dapat menyedarkan pembaca tentang kepentingan menghidupkan semula makna sebenar puisi-puisi tradisional yang berunsur falsafah. Puisi-puisi ini mengandungi falsafah yang bernilai tinggi dan kebijaksanaan yang dihasilkan oleh sarjana dan penulis puisi tradisional yang berakhlak mulia.

Dalam proses pengumpulan puisi tradisional falsafah, pengkaji hanya dapat memperolehi 2 buah buku petikan puisi tradisional falsafah. Pertama, buku berjudul *Puisi Tradisional Falsafah Negara Cina* (历代哲理诗, Lidài Zhélishī) yang disunting oleh Yi (2000) mengandungi 277 buah puisi tradisional falsafah yang dipetik daripada semua dinasti dalam sejarah negara Cina. Kedua, buku puisi tradisional falsafah berjudul *Seratus Buah Puisi Falsafah* (哲理诗一百首, Zhélishī Yī Bái Shǒu) yang disunting oleh Pang. Pengkaji memilih buku yang disunting oleh Pang berdasarkan prinsip-prinsip pemilihan puisi Pang.

Pang (1999) mengisytiharkan pemilihan puisi-puisi dalam buku “哲理诗一百首” (Zhélishī Yī Bái Shǒu) berdasarkan empat prinsip. Pertama, syarat pemilihan dalam lingkungan unsur falsafah tidak terlalu ketat dan juga tidak terlalu longgar. Hal ini dapat mengelakkan keciciran puisi baik yang mempunyai sedikit unsur falsafah dan juga dapat menyingkirkan puisi yang kurang baik walaupun unsur falsafahnya banyak. Kedua, lebih banyak puisi tradisional daripada Dinasti Tang, Dinasti Song dan Dinasti Ching dipilih, manakala kurang puisi dipilih daripada Dinasti Han, Wei, Liu Chao, Dinasti Yuan dan Dinasti Ming. Hal ini kerana puisi tradisional mencapai tahap kegemilangan pada zaman Dinasti Tang, mengalami evolusi besar pada zaman Dinasti Song dan pada zaman Dinasti

Ching pula, kombinasi puisi tradisional Dinasti Tang dan Dinasti Song memasuki era terakhir. Oleh itu, lebih banyak puisi tradisional berunsur falsafah dihasilkan pada ketiga-tiga zaman tersebut, maka adalah lebih senang untuk dipilih. Ketiga, puisi-puisi yang dipilih adalah puisi tradisional yang mewakili identiti penulis yang terkenal. Keempat, bilangan puisi yang dipilih daripada setiap penulis tidak melebihi tiga buah karya.

Berdasarkan empat konsep yang disebutkan di atas, buku “ 哲理诗一百首 “ (Zhélishī Yī Bái Shǒu) sesuai dipilih kerana buku ini dapat mewakili puisi tradisional berunsur falsafah dalam sejarah puisi tradisional bahasa Cina. Selain itu, bilangan 100 buah puisi dalam buku ini cukup dan sesuai untuk menjadi sampel dalam kajian ini. Daripada 100 buah puisi ini, pengkaji akan memilih 30 buah puisi sebagai sampel untuk dikaji. Penjelasan makna sebenar puisi dalam buku ini jelas dan ringkas juga menjadi salah satu faktor pemilihan sebagai data kajian ini.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih puisi-puisi tradisional falsafah daripada Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi). Hal ini kerana kesenian bahasa puisi tradisional mencapai kemuncak kegemilangan pada zaman Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan juga perkembangan unsur falsafah dalam puisi tradisional menjadi fenomena teragung pada zaman Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi). Menurut Cheng (2000:6-7), pencapaian puisi pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song adalah sama tinggi seperti menara kembar, hanya berbeza dari segi persembahan sahaja. Pengkaji yang lepas membezakan puisi antara kedua-dua dinasti ini dengan mengatakan :”唐诗主情，宋诗主意” (Táng shī zhǔ qíng, sòng shī zhǔyì) yang bermakna bahawa puisi tradisional Dinasti Tang mementingkan perasaan, puisi tradisional Dinasti Song pula mementingkan erti. Menurut Chengjie (1999), puisi dalam

Dinasti Song banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Confusionisme dan Taoisme yang dikembangkan sehingga peringkat kemuncak pada zaman itu. Maka puisi pada zaman itu boleh dikatakan disatukan dengan unsur falsafah. Ramai penulis puisi yang juga merupakan ahli politik dan ahli falsafah pada zaman Dinasti Song sama-sama mementingkan sahsiah peribadi dan juga kesenian bahasa. Shu Shi (1037-1101 tahun Masehi) yang merupakan penulis puisi terkemuka pada zaman Dinasti Song pernah berkata: “诗须要有为而做, 用事当以故为新, 以俗为雅” (Shī xū yào yǒuwéi ér zuò, yòngshì dāng yǐ gù wéi xīn, yǐ sù wéi yǎ) bermakna puisi yang baik perlu ditulis berasaskan amalan, bersifat praktikal dan boleh diterima ramai. Oleh yang demikian, kajian ini memilih puisi tradisional berunsur falsafah daripada Dinasti Tang dan Dinasti Song untuk melihat makna metaforanya yang mempunyai kesenian bahasa yang tinggi dan juga bererti.

Buku Pang (1999) mempunyai 49 buah puisi yang dipetik daripada Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi), iaitu hampir 50% daripada jumlah 100 buah puisi yang ada dalam buku tersebut. Pengkaji memilih sebanyak 30 buah puisi daripada 49 buah puisi yang mempunyai item leksikal metafora untuk dikaji.

Data kajian ini iaitu 30 buah puisi yang dipilih itu memang merupakan puisi-puisi yang popular pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song. Hal ini dapat dibuktikan dengan 25 buah daripada 30 buah puisi yang dipilih itu juga termasuk dalam *Kamus Puisi Dinasti Tang* (《唐诗鉴赏辞典, Tángshī Jiànshǎng Cídiǎn , 2004 :1 -1 9) dan *Kamus Puisi Dinasti Song* (《宋诗鉴赏辞典, Sòngshī Jiànshǎng Cídiǎn , 2007:1-21). Selain itu, 16 buah puisi daripada 30 buah puisi kajian ini juga dimasukkan dalam buku *Puisi*

Tradisional Falsafah Negara Cina (历代哲理诗, Lìdài Zhélishī) membuktikan data kajian ini merupakan puisi tradisional berunsur falsafah yang popular.

3.2.2 Pemilihan data kajian

Dalam kajian ini, 30 buah puisi tradisional yang dipilih berdasarkan dua konsep yang penting. Pertama, puisi tradisional dipilih mengikut dinasti tertentu. Oleh sebab puisi tradisional mencapai taraf kesenian yang paling tinggi pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song, maka hanya 30 buah puisi tradisional yang paling banyak menggunakan metafora akan dipilih daripada Dinasti Tang dan Dinasti Song walaupun buku ini mengandungi 49 buah puisi tradisional dari dinasti-dinasti tersebut.

Pada peringkat pertama, pengkaji membaca kesemua puisi tradisional yang ditulis pada Dinasti Tang dan Song dan mencari item leksikal yang bermetaforikal dalam puisi-puisi tersebut. Pengkaji mendapati bahawa terdapat 10 buah puisi yang tidak menggunakan metafora.

Seterusnya, pengkaji melihat semula tema setiap 39 buah puisi yang mengandungi item leksikal metafora dan mendapati bahawa puisi- puisi tersebut boleh dikategorikan mengikut 3 tema utama, iaitu tema berkaitan dengan bakat dan kemuliaan, sikap belajar dan berusaha serta amalan kebenaran hidup. Untuk tujuan penyelarasan tema, pengkaji memilih 10 buah puisi yang mengandungi paling banyak item leksikal metafora yang jelas untuk setiap tema utama. Hasilnya 30 buah puisi dipilih untuk dianalisis.

3.2.3 Penganalisan data kajian

Dalam proses penganalisan data kajian, pengkaji menjalankan analisis berikut secara kualitatif demi mencapai objektif kajian :

- i. Mencari item leksis yang mengandungi metafora dalam puisi tradisional yang dipilih dengan memastikan kewujudan sasaran (*tenor*) dan sumber (*vehicle*).
- ii. Mengenal pasti penggolongan metafora.
- iii. Menganalisis makna denotatif dan makna metafora item leksikal tersebut.
- iv. Menerangkan item leksikal tersebut yang digunakan untuk menghasilkan makna metafora.

Dalam langkah pertama, pengkaji mencari semua item leksikal bermetafora dalam puisi berdasarkan sifat-sifat umum yang diterangkan dalam Bab 2. Dalam kajian ini, item leksikal metafora ini berjaya dikenal pasti berpandukan 3 sifat umum yang dibincangkan dalam Bab 2. Pertama, metafora berlaku apabila adanya pemindahan persamaan di antara ketaksamaan, iaitu pemindahan nama daripada satu objek kepada sesuatu objek yang berlainan yang disarankan oleh Aristotle (1968). Kedua, kedua-dua objek itu akan bertindak satu sebagai sumber (*vehicle*) dan merujuk kepada yang satu lagi yang merupakan sasaran (*tenor*) mengikut saranan Richards (1936). Ketiga, bahasa kiasan simile dan personifikasi juga dimasukkan sebagai metafora dalam kajian ini mengikut saranan Lakoff dan Johnson (1980).

Di samping itu, tema setiap puisi dikenal pasti terlebih dahulu kerana tema merupakan sasaran (*tenor*) utama yang ingin disampaikan oleh item-item leksikal metafora yang bertindak sebagai sumber (*vehicle*). Item-item leksikal metafora yang dipilih itu memainkan fungsi signifikan dalam tema atau makna sebenar sesebuah puisi.

Ia boleh bertindak sama ada mencerminkan atau membandingkan tema sesebuah puisi itu.

Selepas proses mencari item leksikal bermetafora, pengkaji menjalankan penterjemahan puisi daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu. Penterjemahan dilakukan dengan mengikut makna item leksikal atau makna ayat tertentu dalam puisi itu, biasanya penterjemahan tidak dapat dijalankan dengan mengikut setiap perkataan (*word for word*). Dengan kata lain, satu item leksikal bahasa Cina mungkin akan diterjemahkan menjadi satu ayat panjang yang bertujuan memberi makna denotasi item leksikal tersebut atau memberi penerangan makna keseluruhan puisi dengan lebih jelas.

Analisis data adalah berdasarkan rangka teoretis 3 orang pengkaji. Penggolongan metafora pertama mengikut struktur sintagmatik yang disarankan oleh Shu (2000). Jenis metafora ini terdiri daripada metafora kata nama, metafora kata kerja, metafora kata sifat, metafora kata adverbial dan metafora kata depan. Penggolongan metafora kedua berdasarkan imej yang disarankan oleh Nilsen & Nilsen (1978). Jenis metaforanya terdiri daripada metafora kehaiwanan, metafora tumbuhan dan metafora pengkonkritan. Penggolongan metafora ketiga mengikut konsep yang disarankan oleh Lakoff dan Johnson (1980). Jenis metaforanya terdiri daripada metafora struktur, metafora orientasi dan metafora ontologi termasuk personifikasi.

Dalam proses menganalisis item leksikal metafora, pengkaji merujuk kepada kamus atau sumber lain supaya mendapat makna denotasi item leksikal. Sesuatu item leksikal mungkin mempunyai beberapa makna denotasi dalam kamus. Makna denotasi yang berkaitan atau paling dekat dengan tema puisi sahaja yang diambil kira di dalam kajian ini.

Pada peringkat akhir penganalisan, makna metafora item leksikal dikaji. Pengkaji memberi sebab atau rasionalnya item leksikal tersebut dipilih untuk menyampaikan makna metafora tertentu. Dalam hal ini, ciri-ciri atau sifat-sifat makna denotasi item leksikal, konsep manusia universal, penggunaan item leksikal bahasa Cina yang berkaitan, budaya orang Cina, latar belakang, falsafah dan pengalaman penulis serta konteks puisi ini ditulis diambil kira dan diterangkan. Malahan, analisis dan pendapat pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai makna puisi tradisional yang dikaji itu juga dirujuk.

3.3 Kesimpulan

Bab ini memberi penerangan yang teliti tentang langkah-langkah yang diambil dalam setiap proses kajian iaitu mulai peringkat pengumpulan data, pemilihan data sehingga penganalisan data. Cara-cara dalam setiap proses ini diharapkan dapat mencapai objektif kajian ini. Bab seterusnya ialah isi pokok kajian yang membentangkan hasil analisis data, iaitu hasil kajian metafora ke atas 30 buah puisi tradisional berunsur falsafah daripada Dinasti Tang dan Dinasti Song.